



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (46) 06/06

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM DAERAH MUAR

1. Muar, 22 Jun 2024 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly Zahari telah melaksanakan **Program Peduli Veteran Madani (PVM)** peringkat Daerah Muar, Johor. Daerah Muar mencatatkan sebanyak 6 buah persatuan veteran dengan anggaran seramai 1,601 orang veteran ATM dimana seramai 729 orang daripadanya adalah veteran yang tidak berpencen. Berdasarkan rekod Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV ATM), Negeri Johor sahaja mempunyai seramai 18,234 orang veteran ATM dimana 8,324 adalah veteran yang tidak berpencen.
2. YB Adly telah berpeluang menyantuni **11 orang veteran ATM** dalam rangka siri lawatan kebijikan beliau ke negeri ini selama 2 hari yang bermula pada 21 hingga 22 Jun 2024. Lawatan kebijikan kepada veteran ini melibatkan mereka yang sedang uzur, sakit kronik dan memerlukan perhatian. Selain bertanya khabar, YB Timbalan Menteri Pertahanan turut berbesar hati menyerahkan sumbangan berupa barang keperluan seperti makanan, susu kesihatan, lampin pakai buang dan kewangan kepada setiap veteran yang diziarahi.
3. Selain daripada itu, YB Adly juga bertemu dan bertukar pandangan dengan **2 orang usahawan veteran** yang menceburkan diri sebagai pengusaha kedai makan dan kedai gunting rambut di sekitar Muar, Johor.
4. Kemudiannya, Program PVM diteruskan dengan **Sesi Dialog Timbalan Menteri Pertahanan bersama Persatuan Veteran ATM Negeri Johor** pada hari yang sama di Hotel Traders Muar. Sesi ini adalah merupakan antara kaedah terbaik kepada YB Adly untuk berdiskusi secara terus bersama ahli-ahli veteran ATM di sekitar Johor. Dalam masa yang sama beliau juga telah memanfaatkan peluang ini untuk menyampaikan dasar dan maklumat terkini berkaitan hal ehwal veteran. Beliau turut menzahirkan komitmen bahawa cadangan yang baik akan diperhalusi di peringkat JHEV dan Kementerian demi manfaat veteran ATM pada masa hadapan. Mengakhiri sesi dialog tersebut, YB Adly telah menyampaikan sumbangan **400 Bakul Rahmah** kepada **20 persatuan veteran** untuk diagihkan kepada veteran yang asnaf.
5. Mendokong Teras ke-6 Dasar Madani iaitu 'Insan', **Kerajaan komited meningkatkan peruntukan JHEV ATM dari RM118 juta kepada RM244 juta pada tahun 2024**. Peningkatan yang begitu ketara ini mampu memberi manfaat yang lebih luas kepada Veteran ATM.
6. Bagi memastikan ianya dapat dimanfaatkan sebaik mungkin, **veteran ATM disaran untuk mendaftar dengan JHEV ATM serta persatuan-persatuan di lokaliti masing-masing**. Veteran ATM juga disaran untuk mengemaskini maklumat semasa melalui sistem

VIBES 2.0. Ini bagi memastikan semua Skim Bantuan yang disediakan oleh JHEV ATM seperti Bantuan Sara Hidup (BSH), Bantuan Persekolahan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Peralatan Pesakit dan Bantuan Bencana Alam dapat disalurkan kepada veteran ATM yang berkelayakan secara teratur dan efektif.

7. Pada tahun ini, **kerajaan juga telah meningkatkan peruntukan Bayaran Sara Hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 Juta**. Sehingga 31 Mei 2024, seramai **29,247 veteran ATM** telah menerima faedah ini.

8. **Inisiatif PVM bertindak sebagai medan untuk interaksi secara dua hala antara Kementerian Pertahanan dan Veteran ATM** melibatkan 5 fokus utama iaitu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan, dan pemerkasaan ekonomi veteran ATM. PVM akan terus menjadi platform Kementerian untuk menyampaikan sumbangan kebajikan dan insentif keusahawanan kepada Veteran ATM yang memerlukan sebagai galakan untuk memperkasakan sosioekonomi mereka.

9. Kementerian Pertahanan beriltizam untuk terus komited dalam mempertingkatkan lagi PVM menerusi kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta agensi-agensi yang berkaitan melalui siri lawatan kebajikan yang akan datang agar tiada Veteran ATM yang terpinggir daripada menerima insentif yang disediakan.

10. Program lawatan ini turut diiringi Pegawai Staf 1 Sekretariat JHEV ATM; Lt Kol Nor Azimi bin Idris, Pengarah JHEV Cawangan Negeri Johor; Mej Johadi bin Jema'at serta wakil persatuan-persatuan veteran ATM sekitar Johor.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

**Kementerian Pertahanan Malaysia
Dikeluarkan pada 22 Jun 2024**